

Agong Mahu Anggota Tentera Tidak Alpa, Terus Jaga Keamanan Walaupun Negara Aman
Bernama
19 Januari, 2013

PORT DICKSON, 19 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah mengingatkan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) agar tidak alpa dan terus menggalas tanggungjawab bagi mempertahankan kedaulatan negara daripada sebarang ancaman, walaupun negara kini dalam keadaan aman.

Baginda bertitah, keamanan dan kesejahteraan yang dikecapi ketika ini bukanlah diperoleh dengan cara yang mudah, sebaliknya negara pernah melalui zaman getir yang memerlukan pengorbanan anggota tentera yang terdahulu.

"Jadikan kecemerlangan perjuangan perwira-perwira terdahulu, sebagai sumber inspirasi, untuk melafazkan taat setia tanpa berbelah bagi kepada pemimpin atasan demi mendukung keutuhan dan kesejahteraan negara Malaysia.

"Disiplin ketenteraan yang menjadi teras kepada keutuhan institusi ketenteraan perlu dipatuhi sepenuhnya agar reputasi dan prestij ATM sentiasa terpelihara dan mulia di mata masyarakat," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet Graduan Kolej Tentera Darat dan Pegawai Kadet Graduan Kapal Diraja Sultan Idris 1, di Kem Segenting, di sini hari ini.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah turut berangkat ke majlis itu.

Turut hadir, Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan, Panglima ATM Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Tentera Darat Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin, Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar dan Timbalan Panglima Tentera Udara Leftenan Jeneral Datuk Seri Roslan Saad.

Seri Paduka Baginda bertitah, dalam situasi negara yang giat membangun, ATM tidak terkecuali menjalani proses pemodenan yang memerlukan anggotanya untuk terus berusaha menimba ilmu sama ada dalam bidang ketenteraan atau pengetahuan semasa.

Titah baginda, ia bagi memastikan para anggota sentiasa lengkap dan bersedia untuk menghadapi cabaran ketenteraan masa kini sekaligus mengekalkan kredibiliti dan martabat ATM.

Pada majlis itu, 55 Pegawai Kadet Graduan Kolej Tentera Darat dan 10 Pegawai Kadet Graduan Kapal Diraja Sultan Idris 1 yang menamatkan latihan dan ditauliah, menyertai perbarisan.

Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah kemudiannya berkenan mencemar duli mengurniakan watikah tauliah kepada setiap pegawai kadet berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=922873>